

22 OCT 2000

Parlimen-Sorotan

PARLIMEN DIKEJUTKAN PERINGATAN PERDANA MENTERI

KUALA LUMPUR, 22 Okt (Bernama) -- Minggu pertama sidang Parlimen kali ini dari Isnin hingga Khamis lepas, dikejutkan dengan dua gegaran yang melibatkan secara langsung masa depan dan kepentingan Anggota Dewan Rakyat sendiri.

Gegaran pertama ialah dalam bentuk peringatan daripada Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad kepada Anggota-anggota Parlimen dari parti pemerintah supaya mereka hadir pada setiap sesi bagi memastikan kuorum 26 anggota daripada sejumlah 193 ahli Dewan itu cukup.

Dalam nada lembut tetapi tegas Perdana Menteri berkata bahawa kehadiran mereka akan dicatat untuk diambil kira oleh Barisan Nasional dalam menentukan senarai calonnya bagi pilihan raya umum akan datang.

"Saya pesan kat dia orang... (kehadiran mereka) akan diambil kira untuk nama calon kemudian... kita catatkan," katanya ketika ditemui pemberita mengenai amanatnya semasa mempengerusikan mesyuarat dengan anggota-anggota BN dua jam sebelum mesyuarat Dewan bermula Isnin lepas.

Masalah tidak cukup kuorum kerap berlaku pada sidang sebelum ini yang sedikit sebanyak menjejaskan kelicinan urusan mesyuarat sehingga adakalanya ia terhenti seketika dan loceng dibunyikan meminta Anggota Parlimen masuk ke dalam dewan.

Peringatan Dr Mahathir itu nampaknya mendatangkan kesan kerana sepanjang sesi minggu ini tidak kedengaran sekalipun loceng dibunyikan.

Presiden Kelab Penyokong Kerajaan Datuk Dr Jamaluddin Jarjis (BN-Rompin) ketika menyambut baik peringatan itu berkata tugas mencukupkan kuorum bukanlah tanggungjawab anggota-anggota dewan dari BN semata-mata kerana pembangkang dengan menduduki 45 kerusi juga memikul tanggungjawab serupa.

Katanya, pertimbangan untuk menentukan senarai calon selain mengambil kira faktor kehadiran dalam Dewan, juga hendaklah mengambil kira faktor lain seperti kekerapan mengambil bahagian dalam perbahasan dan kualiti perbahasan.

Setiausaha Agung DAP Kerk Kim Hock pula dalam pada mengakui bahawa pembangkang sahaja pun memang sudah mampu mencukupkan kuorum tetapi meletakkan tanggungjawab itu ke bahu penyokong kerajaan.

"Secara moralnya memang semua Anggota Dewan patut hadir pada setiap masa tetapi tanggungjawab utamanya mestilah dipikul oleh penyokong kerajaan kerana Dewan menjalankan urusan kerajaan," katanya kepada Bernama.

Kejutan kedua pula ialah menerusi Rang Undang-undang Ahli Parlimen (Saraan) (Pindaan) 2000 yang secara langsung melibatkan Anggota Dewan sendiri kerana ia mencadangkan pelarasan bagi menaikkan elaun mereka sebanyak 10 peratus. Rang undang-undang itu dijadual dibentangkan pada sidang ini.

Selepas pelarasan 10 peratus itu dilaporkan oleh media massa, anggota-anggota dewan dari BN telah mengadakan satu perbincangan di Bangunan Parlimen dan dipercayai kebanyakan mereka mahu kerajaan mengkaji semula dan menaikkan kadar itu.

Antara alasan mendesak yang mendorong mereka meminta pelarasan 10 peratus itu dikaji semula ialah tugas dan tanggungjawab mereka yang berat, yang bukan sahaja melibatkan masa dan tenaga tetapi juga kewangan untuk melayani pelbagai masalah rakyat.

Jika Rang undang-undang itu diluluskan tanpa pindaan, maka sebanyak 63 Anggota Dewan Negara yang kini menerima elaun sebanyak RM3,090 akan menerima elaun baru sebanyak RM3,399, manakala 193 Anggota Parlimen pula menerima kenaikan dari RM4,890 kepada RM5,379.

Ketua Pembangkang yang menerima elaun RM2,890 pula akan menikmati kenaikan kepada RM3,179.

Dalam hal ini, nampaknya Anggota Dewan dari parti pembangkang berkongsi pendapat dengan penyokong kerajaan iaitu kenaikan elaun itu seharusnya disertai kemudahan seperti peruntukan bagi mereka menggaji kerani, pembantu dan penyelidik untuk melicinkan tugas mereka.

"Dalam soal pelarasan ini saya harap pengundi DAP akan memahami kenapa kita (wakil rakyat DAP) tidak akan menolaknya, terutama bagi ahli politik sepenuh masa, (kerana) sebarang kenaikan elaun akan banyak membantu tugas mereka yang sebelum ini terpaksa menggunakan wang sendiri untuk rakyat," kata Kerk yang juga Anggota Parlimen Kota Melaka.

Timbalan Menteri Kewangan Datuk Dr Shafie Mohd Salleh pula memberitahu Bernama bahawa Anggota Dewan seharusnya bersyukur dengan cadangan pelarasan 10 peratus itu kerana ia membuktikan bahawa kerajaan BN prihatin terhadap kebajikan mereka.

"Bersyukurlah...kerana mungkin setakat itu dahulu yang kerajaan mampu berikan," kata Shafie sambil menjelaskan bahawa kenaikan 10 peratus itu yang berkuatkuasa mulai 1 Jan lepas, samalah dengan peratusan pelarasan yang dinikmati kakitangan kerajaan baru-baru ini.

Pada sidang kali ini juga sekumpulan 71 pertubuhan bukan kerajaan menyampaikan memorandum bantahan terhadap Akta Keselamatan Dalam Negeri (ISA).

Pada Khamis lepas, 100 wakil mereka berhimpun secara aman di luar pintu masuk ke Parlimen meminta dibenarkan masuk untuk menyampaikan "Memorandum Kepada Wakil Rakyat" yang kandungan utamanya ialah meminta kerajaan menghapuskan ISA. Mereka menyampaikannya kepada Ketua Pembangkang Datuk Fadzil Noor.

Sepanjang empat hari pertama persidangannya kali ini Dewan Rakyat meluluskan Rang Undang-undang Kanak-kanak 2000, Rang Undang-undang Rumah Perjudian Terbuka ((Pindaan) 2000, Rang Undang-undang Perbadanan Labuan 2000 dan Rang Undang-undang Pekerja-pekerja Pelabuhan (Peraturan Pekerja) (Pembubaran) 2000.

Melalui Rang Undang-undang Rumah Perjudian Terbuka itu, kerajaan tidak membenarkan aktiviti perjudian secara on-line di negara ini, selain memberi kuasa kepada pegawai polis untuk menutup premis yang disyaki menjalankan perjudian tanpa lesen dan kuasa kepada pihak berkuasa tempatan mengarahkan pemotongan bekalan elektrik ke premis itu.

Rang Undang-undang Kanak-kanak pula memberi takrif kanak-kanak sebagai seseorang yang berumur kurang daripada 18 tahun, yang mengatasi masalah keaburan takrif bagi kanak-kanak dalam akta-akta yang ada sebelum ini.

Ia memperuntukkan sebatan mandatori maksimum enam rotan dan penjara mandatori tidak kurang tiga tahun dan maksimum 15 tahun terhadap sesiapa yang melacurkan kanak-kanak (ibu dan bapa ayam) dan mereka yang melanggan atau menyewa kanak-kanak untuk perkhidmatan seks

Rang Undang-undang Perbadanan Labuan pula membolehkan pulau Pusat Kewangan Luar Pesisir Antrabangsa itu diuruskan dengan lebih bersepadu menerusi satu agensi penyelaras iaitu Perbadanan Labuan dengan bidang kuasa yang lebih menyeluruh.

Ia juga memansuhkan tiga agensi yang ada sekarang iaitu Lembaga Pembangunan Labuan, Majlis Perbandaran Labuan dan Bahagian Kemajuan Wilayah Persekutuan Cawangan Labuan yang fungsi serta tugasnya hampir serupa dan bertindih.

Dewan Rakyat menyambung persidangannya Isnin ini.

-- BERNAMA

MNY MNY MAI